

24 FEB 2001

Mahathir-Peniaga

PUPUK BUDAYA BERNIAGA UNTUK MAJU DALAM PERNIAGAAN, KATA DR M

KUCHING, 24 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata peniaga Bumiputera harus memupuk budaya berniaga yang diamalkan oleh bangsa lain untuk lebih maju dalam perniagaan dan perusahaan.

Perdana Menteri berkata, peniaga Bumiputera di Malaysia tidak akan maju dalam perniagaan dan perusahaan yang diceburi jika terus berniaga cara lama dan enggan melakukan perubahan.

"Selagi kita tidak tukar budaya berniaga, tentu sekali kita tidak akan berjaya dan mampu bersaing dengan peniaga Cina," katanya pada majlis dialog dengan peniaga-peniaga kecil Bumiputera Sarawak di sini.

Dr Mahathir berkata, pendekatan yang sesuai dalam perniagaan seperti mengamalkan sistem pengurusan wang yang berhemat akan memastikan perniagaan mampu berdaya-saing untuk meraih keuntungan sihat dalam apa jua keadaan ekonomi sekalipun.

"Kita mesti fikir tentang lain-lain perniagaan untuk menarik lebih ramai pelanggan," dan menambah kata dengan menumpukan satu jenis perniagaan akan merugikan peniaga itu sendiri kerana barangan yang dijual akan menjadi murah apabila penawaran melebihi permintaan.

Beliau berkata kerajaan sedang mengenal pasti beberapa bidang perniagaan yang berpotensi diceburi oleh Bumiputera.

Antara bidang-bidang yang sedang diberi tumpuan ialah perniagaan yang berkonsepkan francais seperti pasaraya dan kedai dobi.

Dr Mahathir berkata selain daripada bidang itu kerajaan juga sedang berusaha untuk membentuk kerjasama dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dengan rakan-rakan perniagaan daripada luar negara terutamanya dari Jepun.

Bagaimanapun segala usaha ini tidak akan mencapai kejayaan sekiranya peniaga Bumiputera enggan berubah kepada budaya berniaga yang lebih efektif.

Beliau juga menasihatkan peniaga Bumiputera untuk meningkatkan budaya menabung bagi membolehkan mereka mengembangkan perniagaan dan perusahaan ketahap yang lebih pesat lagi.

-- BERNAMA

FLL RDY MT PR